

Kerajaan digesa selesai dokumentasi Pulau Batu Putih

BH 23 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno hari ini menggesa kerajaan menyelesaikan semua proses dokumentasi membatik tuntutan ke atas Pulau Batu Putih bagi membolehkan Malaysia dan Singapura menandatangani segera dokumen persetujuan merujuk kes itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Pengerusi Biro Antarabangsa pergerakan itu, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata Wisma Putera perlu serius menyelesaikan semua proses dokumentasi berkaitan bagi membolehkan kedua-dua negara terbabit menandatangani dokumen persetujuan secepat mungkin.

"Langkah ini perlu disegerakan kerana selain isu Pulau Batu Putih, kita mempunyai banyak lagi isu bertindih membabitkan hubungan dua hala dengan republik itu.

"Isu tuntutan berkenaan tidak begitu kompleks jika dibandingkan kes tuntutan beberapa negara termasuk Malaysia ke atas Pulau Layang-Layang kerana dalam kes ini hanya membabitkan dua negara jiran," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini. Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri

Batu Putih adalah sebuah pulau batu karang yang terletak di selatan Semenanjung, kira-kira 15 kilometer dari Johor.

Pertikaian terhadap pulau itu bermula pada 1989 apabila nelayan Malaysia dihalang menghampirinya dan sehingga kini Batu Putih dikawal ketat pihak berkuasa Singapura, termasuk menggunakan helikopter bagi memastikan kawasan itu tidak diceroboh.

Prosedur bagi membawa pertikaian terhadap sesuatu kawasan atau wilayah ke peringkat ICJ hanya boleh dibuat jika negara terbabit menandatangani dokumen persetujuan agar kes tuntutan dirujuk ke mahkamah antarabangsa itu.

Dr Shamsul Anwar berkata, Pemuda Umno berharap isu tuntutan Pulau Batu Putih diselesaikan segera bagi membolehkan kerajaan memberi tumpuan terhadap isu lain termasuk rundingan pakej penyelesaian beberapa isu dengan republik itu.

Katanya, Pemuda Umno turut menggesa semua agensi penguat kuasa terutama tentera laut dan polis marin melakukan kawalan secara konsisten di perairan negara dan melakukan kerja pemantauan berterusan bagi mengelakkan sebarang

Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam, bahawa tuntutan bertindih Malaysia dan Singapura ke atas Pulau Batu Putih hanya boleh dibawa ke ICJ di The Hague, Belanda apabila semua prosedur dokumentasi diselesaikan.

Syed Hamid berkata, buat masa kedua-dua negara masih belum menandatangani sebarang dokumen persetujuan membawa kes ke peringkat ICJ, memandangkan kerajaan masih lagi dalam penelitian akhir proses perundangan sebelum sebarang persetujuan dibuat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Goh Chok Tong, sebelum itu sudah bersetuju isu tuntutan bertindih berkenaan diselesaikan di peringkat ICJ.

penceroohan asing serta kesan pencemaran alam sekitar akibat tindakan pembangunan negara jiran.

Sementara itu Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Saifudin Abdullah ketika dihubungi melahirkan rasa terkejut dengan perkembangan terbaru isu tuntutan pulau itu kerana menyangka kes tuntutan sudah dirujuk ke ICJ.

"Kami sebenarnya berharap isu lain membabitkan hubungan dua hala negara dengan Singapura yang patut ditangani kini ialah mengenai penambahan laut oleh republik itu.

"Memandangkan isu Pulau Batu Putih ini belum diselesaikan, kami amat berharap Wisma Putra dapat mempercepatkan prosedur dokumentasi itu," katanya.